

## MIC dan Survival dalam PRU-14: Satu Ulasan Kritikal

*MIC and Its Survival in GE-14: A Critical Review*

SHARMIN KUTTY SIVARAMAN\*, AWANG AZMAN AWANG PAWI  
& ZULKANAIN ABDUL RAHMAN

### ABSTRAK

*Pilihan Raya Umum ke-14 telah diadakan pada 9 Mei 2018 telah membawa perubahan yang drastik kepada kepimpinan negara, iaitu Pakatan Harapan telah berjaya membentuk kerajaan persekutuan. Perubahan dalam pentadbiran ini membawa kepada pelbagai persepsi dalam kalangan pengundi khususnya pengundi India. Oleh itu, tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menganalisis kedinamikan prestasi MIC khususnya dalam kalangan pengundi India di kawasan yang terdiri daripada pelbagai parti politik yang bertanding. Metodologi yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah data primer keputusan PRU-13 dan PRU-14 manakala data sekunder daripada maklumat atas talian untuk menganalisis lebih mendalam. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat empat faktor yang pengundi India menolak BN, iaitu faktor Mahathirisme, faktor dalaman MIC, faktor Janji Pakatan Harapan dan faktor media sosial yang telah berjaya mengalihkan undi kaum India kepada PH. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa cara pengundi India menilai pemimpin dan parti politik menggunakan kaedah yang sangat biasa namun apa yang penting adalah impak yang diberikan oleh pemimpin dan parti politik tersebut untuk memastikan survival parti politik dalam tempoh masa yang tertentu. Kesimpulannya, kajian ini penting bagi menyemai pandangan serta persepsi masyarakat terhadap pentadbiran kerajaan persekutuan. Faktor penolakan pula dapat memberi gambaran yang jelas kepada pemimpin dan ahli parti politik untuk menjadi panduan serta merancang strategi pelaksanaan dan dasar kerja yang lebih efisien dalam urusan politik semasa.*

Kata Kunci : Faktor peralihan; kedinamikan; politik baharu; politik Melayu & India; PRU-14

### ABSTRACT

*The 14th General Election was held on 9 May 2018 and brought a drastic change to the country's leadership, which Pakatan Harapan managed to form a federal government. This change in administration led to a wide range of perceptions among the voters of the Indian electorate. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the dynamism of MIC's performance especially among Indian voters in areas consisting of various competing political parties. The methodology used in the writing of this article is the primary data of the GE-13 and GE-14 results while secondary data from online information to analyze in more depth. The findings show that there are four factors that Indian voters reject BN, namely Mahathirism, MIC's internal factors, Pakatan Harapan's promise and even social media have successfully shifted the Indian vote to PH. The results also show that the way Indian voters evaluate leaders and political parties uses very common methods but what impact are given by the leaders and political parties to ensure the survival of those political parties over a certain period of time. In conclusion, this study is important to inculcate the public's views and perceptions of the federal government administration and the rejection factor can provide a clear picture to the leaders and members of the political parties as well as to plan strategic implementation and more efficient work policies in current political affairs.*

Keywords: Dynamism; GE-14; Malay and Indian Politics; new politics; transition factor

## PENGENALAN

Pilihan Raya Umum (PRU) merupakan perkara yang wajib dilaksanakan dalam negara yang mengamalkan konsep demokrasi berparlimen seperti yang jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Rakyat akan diberikan kebebasan untuk keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari tersebut. Justeru, parti politik memainkan peranan yang begitu penting dalam memberi pencerahan yang jelas kepada pengundi untuk menentukan parti mana yang mereka patut pilih demi masa depan mereka. Di Malaysia, telah berlaku Pilihan Raya Umum sebanyak 14 kali dan pada PRU-14 telah terlakar sebuah sejarah yang paling bermakna, iaitu perubahan kerajaan pusat atau persekutuan secara keseluruhan kepada tangan pembangkang, iaitu Pakatan Harapan (PH).

Hal ini dapat dijelaskan dengan adanya beberapa sarjana telah membuat ulasan berkaitan dengan perubahan kerajaan ini antaranya Madhi Hassan (2021) menjelaskan bahawa kejayaan Barisan Nasional mengekalkan kemenangan mereka sejak 5 dekad lagi telah mula melalui proses perubahan. Hal ini jelas dalam konteks kelemahan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi, kerjasama BN dalam beberapa perkara tidak mampu untuk memberikan kepuasan yang sepenuhnya kepada pengundi. Alihan undi ke Pakatan Rakyat (PR) yang kini dinamakan sebagai Pakatan Harapan (PH) telah berlaku dengan kadar yang sangat tinggi sebagai satu bentuk penolakan pengundi kepada kepimpinan BN. Seterusnya ialah berkaitan perarakan gerakan Hindu Rights Action Free (Hindraf) yang menggunakan sentiment minoriti pada tahun 2007 juga menjadi punca atau fokus utama masyarakat India tidak berminat terhadap kepimpinan Barisan Nasional.

Menurut Takiyuddin et Al. (2016) menjelaskan bahawa perubahan dalam PRU-14 ini memberikan gambaran seakan perkara yang berlaku pada PRU-12 sebagai satu kesinambungan kepada politik baharu tetapi kecenderungan pengundi Melayu terhadap parti BN seakan masih setia untuk terus memberikan kepercayaan kepada mereka. Hal ini memberikan gambaran yang cukup berbeza terhadap cara pengundi bandar dan luar bandar mengundi bagi memilih wakil rakyat di kawasan tersebut pandangan yang berbeza antara pengundi telah memberikan gambaran yang jelas berkaitan dengan

Seterusnya, menurut Shamsul Amri (1990), corak pengundian rakyat Malaysia sudah mula untuk mengalami perubahan sedikit demi sedikit bermula dari PRU-12 lagi dan menunjukkan pengundi semakin melihat kepada fokus ekonomi, infrastruktur, pendidikan sebagai asas untuk mengukur kewibawaan dalam konteks kepimpinan bagi tempoh masa tertentu. Aspek ini juga penting untuk melihat perkembangan dengan adanya teknologi serta peningkatan hubungan sosial melalui program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Perkara seperti ini telah mula biasa dilihat dan dianalisis oleh pengundi yang berada bandar supaya pemimpin yang dilantik tersebut mampu untuk membawa perubahan kepada konteks pembangunan negara.

Menurut Mohammad @ Bakar (2008), konteks ciri-ciri politik baharu telah mula untuk dilihat sebagai konteks utama dalam kalangan pengundi. Pentadbiran dan kepimpinan Barisan Nasional sebelum ini telah membawa kepada amalan politik yang bersifat kepada perkauman, pecah dan perintah, politik permuaafakan, dan juga politik pembangunan. Hal ini telah memberi gambaran secara mendalam kepada pengundi untuk membuat pertimbangan, analisis secara kukuh supaya pemilihan pemimpin pada PRU akan datang dapat memenuhi kepada kersionalan mereka.

Amirah Ruzanna (2022) telah menjelaskan berkaitan PRU-14 ini telah mula untuk membawa perubahan kepada kedinamikan yang baharu dalam corak kepimpinan politik tempatan, iaitu rejim pemerintahan BN selama ini yang didominasikan telah berjaya ditumbangkan dengan ideologi politik baharu. Hal ini dapat dijelaskan lagi dengan adanya pelbagai perkembangan masyarakat telah lebih bersifat cakna dan telah mula fokuskan kepada perkembangan isu-isu nasional. Politik perkauman yang dibawa tersebut telah mencetuskan kepada beberapa agenda

yang berlainan. Menurut Welsh (2020) golongan elit kepimpinan ini menggunakan agama sebagai indikator yang utama untuk meraih sokongan yang popular malah ini dapat memberi laluan kepada mereka untuk mentadbir kerajaan pusat dengan jayanya.

Oleh itu, penulisan ini akan fokuskan kepada prestasi MIC pada PRU-13 dan PRU-14 untuk membincangkan faktor penolakan etnik India terhadap Barisan Nasional (BN) pada PRU-14.

## SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian ini penting untuk melihat kelompongan kajian yang dilakukan sebelum ini. Bukan itu sahaja, budaya, corak politik, cara pemilihan ini menjadi perkara yang penting untuk dinilai secara khusus dalam konteks pilihan raya dan juga konteks pengundi. Pye et al. ( 1965) telah menjelaskan bahawa politik ini memberi gambaran kepada pengundi berkaitan pengetahuan, kepercayaan serta tingkah laku pemilihan mereka dalam konteks pilihan raya. Asas kepada pembentukan budaya politik ini ialah sentimen kepercayaan, dan sikap ini menjadi perkara utama yang memberikan gambaran yang asas kepada pengundi. Awang Besar et al. (2022) dalam kajian mengenai geopolitik negeri Johor dan prestasi Pilihan Raya Umum. Walaupun berlaku pergolakan sewaktu Covid-19 yang membawa kepada ketidakstabilan politik. Kedua-dua parti politik telah mempunyai kelebihan yang tersendiri dengan manakala Perikatan Nasional (PN) fokus kepada kawasan pengundi Melayu manakala Pakatan Harapan (PH) fokus kepada kawasan pengundi Cina. Pengundi yang tertarik di kawasan tersebut dengan kepimpinan Hasni selaku Menteri Besar.

Awang Besar et al. (2020) telah menganalisis sebuah kajian untuk melihat pola pengundian di kawasan bandar dan luar bandar pada Pilihan Raya Umum ke-14. PRU-14 telah menyaksikan kepada perubahan kerajaan. Beberapa perkara telah menjadi fokus utama kepada perubahan yang berlaku iaitu strategi kempen, cara kepimpinan, pengaruh isu dan cara kepimpinan. Kebanyakan kawasan telah dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) manakala hanya kawasan luar bandar seperti di Kelantan dan Terengganu dimenangi oleh PAS. Mamat (2023) menganalisis kecenderungan pengundi dalam PRU-15 corak pengundian telah berubah kepada konsep melihat kredibiliti calon yang mampu melaksanakan tugas yang diberikan dan juga tidak mempunyai latar belakang kes rasuah. Ariff Aizuddin (2023) perubahan yang agak ketara berlaku dalam pentadbiran politik kerana peralihan daripada konteks pembentukan parti politik telah berlaku. Keyakinan BN bertanding 2 kerusi iaitu di Melaka dan Johor memberikan keyakinan kepada pengundi, isu dan strategik menjadi fokus yang penting dalam pilihan raya untuk memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada pengundi.

Mohd Firdaus Abd Aziz ( 2022) telah menjalankan kajian untuk melihat kedinamikan sistem dua blok parti pada PRU-14 di Perak Pengundi memerlukan perubahan dalam konteks pembangunan maka ini dapat dilaksanakan dalam kategori pengundi bandar makakala pengundi luar bandar tidak begitu rasional dalam membuat pemilihan ke arah konteks pembangunan yang baik. . Hakikatnya pergerakan untuk memberikan pendedahan berkaitan dengan ini bermula dari bandar dahulu kerana penduduk yang selalu memerlukan perubahan manakala penduduk luar bandar sukar untuk menerima sebarang perubahan kerana telah diberikan sokongan secara sepenuhnya oleh Barisan Nasional sewaktu mereka mentadbir. Pergerakan rakyat dalam konteks pemilihan dinilai secara rasional dalam kajian ini dan kajian pengkaji akan mengkaji berkaitan dengan kecenderungan pengundi India memilih PH berbanding BN dalam PRU-14.

Wan Nur Intan (2022) untuk memahami berkaitan pola pengundiann di Terengganu. Politik yang ditadbir mengikut kepada parti politik ini penting untuk mengetahui berkaitan dengan

cara parti politik tersebut berfungsi untuk membawa peranan secara sama rata dalam konteks pengundi. Marwan Shukriman (2022) dalam kajian telah menjelaskan berkaitan dengan tingkah laku pengundi Melayu dalam PRU-14 kerana pada waktu PRU tersebut, kerajaan pusat telah mengalami perubahan kepada Pakatan Harapan, beberapa faktor dikenal pasti yang telah menyebabkan keadaan ini berlaku. Politik yang melibatkan kepada etnik penting tetapi bukan dalam semua perkara. Shah Mohd Akmal (2022) telah menjalankan sebuah kajian untuk melihat kedinamikan politik lama dan politik baharu dalam pilihan raya negeri pada tahun 2022. PRN 2022 telah menunjukkan satu bentuk budaya perkembangan yang menarik dalam politik Melayu. Nilai sentimental telah membolehkan UMNO-BN membentuk hegemoni politik Melayu dalam tempoh masa yang cukup panjang. Namun perkara ini berubah dalam PRN 2022 kerana isu krisis ekonomi yang berpunca disebabkan covid-19 dan ketidakstabilan politik sewaktu itu malah pelbagai hujahan dibawa antaranya ialah ideologi PH, cara urustadbir dan kepimpinan secara integriti. Mohd Azri (2022) melihat tingkah laku pengundi dalam sistem pilihan raya di Labuan Sabah, Beberapa ciri telah menjadi fokus utama antaranya ialah calon, kekuatan parti dan juga isu ekonomi. Oleh itu kesemua isu ini menjadi penentu dan faktor kepada pengundi dalam pertimbangan calon.

Muhamad Altizan (2023) telah menjalankan kajian faktor dominasi Melayu di Selangor pada tahun 2008 hingga 2018. Dalam kajian ini fokus utama ialah di Selangor sahaja dan faktor yang telah mendominasi politik Melayu di Selangor Peranan parti politik dan juga strategik yang disusun menjadi fokus yang penting kepada pengundi dalam menentukan pemilihan mereka terhadap calon yang tertentu daripada parti politik yang tertentu. Awang Besar (2019) telah menjelaskan bahawa dalam PRU-14 berlaku perubahan yang besar dalam kalangan pengundi kerana banyak isu yang dihadapi oleh rakyat tidak diselesaikan oleh Barisan Nasional (BN) pada ketika itu pada masa yang sama ini juga telah menjadi elemen yang digunakan oleh Pakatan Harapan (PH) sewaktu berkempen. Mutaly (2018) dalam kajian telah menjelaskan berkaitan faktor Tun Dr Mahathir telah menjadi faktor utama kepada pengundi untuk beralih mengundi Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14. Oleh itu, sejarah kepimpinan dalam politik dan juga pembangunan negara telah menjadi penilian utama dalam konteks masyarakat sebelum mereka memilih wakil rakyat yang tertentu.

Mohd Azizuddin (2018) dalam kajian menjelaskan berkaitan politik baharu yang menekankan berkaitan dengan demokrasi dan keadilan dalam pentadbiran negara. Ini menjadi elemen yang penting ditekankan dalam politik baharu dan selama 64 tahun pentadbiran negara dibawah kepimpinan Barisan Nasional (BN) dan sewaktu tempoh kempen PRU 2018 Tun Dr Mahathir telah membawa watak dan juga ideologi politik baharu dalam kepimpinan beliau sehingga bersama untuk membina kerajaan bersama dengan Pakatan Harapan (PH). Vellymalay (2018) dalam kajian beliau menerangkan berkaitan dengan penolakan pengundi India terhadap parti Barisan Nasional (BN) ialah kerana banyak isu yang melibatkan masyarakat India tidak diselesaikan dengan baik dan isu seperti kos sara hidup, peluang pekerjaan telah memberikan kesan yang menyeluruh kepada pengundi India untuk terus menyokong Pakatan Harapan (PH).

Kua (2019) menerangkan berkaitan faktor kekuatan pengundi dapat membawa kepada perubahan yang dalam pentadbiran. Perubahan yang berlaku pada PRU-14 ini memberikan gambaran secara menyeluruh berkaitan dengan corak pemikiran pengundi dalam membuat keputusan mereka sehingga dapat mengubah pentadbiran kepada yang baharu iaitu Pakatan Harapan (PH). Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini mampu untuk membawa perubahan yang dijangkakan oleh rakyat dan menoktahkan kepimpinan yang berlandaskan kepada etnik dalam elemen yang tertentu. Nadzri dan Jamaie (2018) pengundi di kawasan bandar dan luar bandar telah

membuat keputusan secara kolektif untuk memberikan peluang kepada PH untuk mentadbir kerana corak politik mereka lebih kepada konsep politik baharu malah sokongan daripada parti Sabah dan Sarawak seperti Warisan juga memberikan kelebihan kepada PH untuk terus mengekal sebagai kerajaan.

Nadzri (2018) menerangkan bahawa kejatuhan Barisan Nasional pada PRU-14 berlaku disebabkan oleh beberapa isu yang tidak mampu untuk diselesaikan pada ketika itu yang memberikan kesan kepada pengundi pada masa yang sama isu-isu yang tidak mampu diselesaikan tersebut telah menjadi faktor utama PH memberikan pendedahan kepada pengundi. Gaya kepimpinan Tun Dr Mahathir, kemudahan teknologi maklumat iaitu media sosial juga telah memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada pengundi untuk membuat pilihan yang sewajarnya. Welsh (2018) dalam kajian menjelaskan berkaitan teori rahman ini mampu untuk memberikan pendedahan yang lebih baik kepada pengundi. Kepimpinan terdahulu telah memberikan kesan yang menyeluruh kepada pengundi kerana isu seperti 1MDB, GST telah memberikan kesan yang menyeluruh.

Awang Besar et al. (2020) politik bandar membawa pelbagai persepsi kepada pengundi kerana dengan adanya media sosial dapat membawa dan memberikan pelbagai tafsiran dan berita yang berlainan kepada pengundi. Pengundi luar bandar dipengaruhi dengan pelbagai sentimen perkauman yang agak sukar untuk mereka terima secara nyata dalam konteks perubahan. Awang Besar (2017) dalam kajian menjelaskan berkaitan dengan kepentingan tingkah laku pengundi dalam menentukan pilihan mereka tercakap calon dan juga parti politik tertentu. Fokus utama pengundi ialah kepada konteks ekonomi, kebijakan, kemudahan awan pada masa yang sama juga pengundi muda memainkan peranan yang utama. Mazli Manat (2023) mengkaji berkaitan dengan budaya politik di kalangan pengundi di Lembah Klang dan perkara utama yang dapat dilihat dalam kajian ini ialah berkaitan dengan pengundi walaupun pelbagai insentif diambil oleh pihak kerajaan untuk memberikan pendedahan yang selanjutnya berkaitan dengan perubahan yang diperlukan untuk sesuatu kawasan tersebut, namun terdapat pengundi tegar yang masih setia menyokong parti politik yang tertentu walaupun pelbagai perkara dilaksanakan oleh kerajaan memberikan kebaikan kepada pengundi secara tersendiri.

Justeru ini, kajian lepas ini penting untuk melihat kepentingan pilihan raya diadakan dan faktor yang mempengaruhi kepada pengundi membuat keputusan untuk memilih wakil rakyat di kawasan tersebut. Bukan hanya itu, menerusi semua kajian lepas tersebut, dapat diketengahkan bahawa beberapa perkara melibatkan kepada konteks pengundi perlu diambil kira dalam proses pilihan raya.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara menyeluruh menggunakan kaedah kualitatif. Sumber yang diperolehi ialah melalui sumber sekunder. Pengkaji juga memfokuskan kepada sumber kajian yang berautoriti bagi melengkapkan kajian seperti jurnal, buku ilmiah dan juga akhbar yang bersesuaian dengan tajuk. Bahan kajian seperti buku, jurnal luar negara yang berkaitan dengan skop perbincangan dalam kajian juga banyak diperoleh secara dalam talian.

## DAPATAN KAJIAN

Pada PRU-13, pembubaran Parlimen telah berlaku pada 28 Mac 2013 dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan satu tarikh untuk PRU-13 diadakan, iaitu bertarikh 5 Mei 2013 sebagai tarikh rasmi PRU-13. Maka pada lewat petang 9 Mei pihak SPR telah mengumumkan kemenangan untuk membentuk kerajaan persekutuan ialah Pakatan Harapan dengan jumlah kerusi sebanyak 122 kerusi manakala Barisan Nasional sebanyak 79 kerusi.

Oleh itu, MIC hanya dapat menang 4 kerusi sahaja dan jadual seperti berikut:

JADUAL 1. Tempat Calon Bertanding

Nama Calon	Kerusi Parlimen	Kemenangan
Palanivel	Cameron Highlands	Barisan Nasional (BN)
M.Saravanan	Tapah	Barisan Nasional (BN)
P. Kamalanathan	Hulu Selangor	Barisan Nasional (BN)
S. Subramanian	Segamat	Barisan Nasional (BN)

Mengikut kepada Jadual 1 MIC hanya memperoleh terdapat 4 kerusi sahaja pada PRU-13 yang lalu Di Cameron Highlands, iaitu P Palanivel telah bertanding atas tiket BN dengan jumlah pengundi sebanyak 10,506 telah mengalahkan Manogaran yang berdiri atas tiket DAP dengan jurang 462 kerusi. Seterusnya ialah M Saravanan di Tapah telah berdiri juga dengan tiket BN dengan jumlah pengundi sebanyak 45,485 dan memperolehi sebanyak 20,670 dan mengalahkan Vasantha Kumar dari parti PKR sebanyak 12,743 jurang sebanyak 7927 undi. Ketiga ialah P Kamalanathan telah bertanding atas tiket BN dengan jumlah keseluruhan ialah sebanyak 85,697 dan beliau mendapat 37,403 telah mengalahkan Khalid bin Jaafar dari parti PKR dengan memperolehi sebanyak 33,989 dengan jurang 3414 undi. Terakhir ialah S Subramaniam di Segamat telah bertanding atas tiket BN dengan jumlah pengundi sebanyak 47,009 dan beliau mendapat 20,037 undi mengalahkan Dato Chua Jui Meng dari parti PKR sebanyak 18,820 dengan jurang 1217 undi. Jelas disini peralihan sokongan etnik India kepada Pakatan Rakyat sewaktu PRU-13 dan kini Pakatan Harapan (PH) telah berlaku secara berfasa.

Hal ini jelas PRU-14 ini telah memberi isyarat kepada pemimpin dan juga parti politik terutamanya parti politik MIC dalam melihat beberapa isu yang sedang melanda masyarakat dan segera mencari solusi serta tindakan yang sepatutnya untuk menyelesaikan dengan lebih cepat lagi. Beberapa perkara yang lebih serius yang perlu dilaksanakan oleh parti MIC supaya dapat membawa kembali sokongan masyarakat India kepada parti tersebut. Selain itu, M Saravanan di Tapah menang dengan bergaya kerana sifat kepimpinan yang menyerlah di Tapah kerana sifat jiwa dan cara kepimpinan yang menyerlah sehingga pengundi di kawasan tersebut terus setia menyokong beliau. Beberapa perkara yang perlu mendapat menjadi tindakan dan perhatian dalam parti MIC. Menurut Suresh (2019) telah memberikan penjelasan berkaitan beberapa perkara yang menjadi fokus utama masyarakat India sebelum merdeka menentukan undian mereka pada PRU-14 dan menyokong Pakatan Harapan (PH) untuk membentuk kerajaan. Perkara utama yang dijelaskan oleh beliau ialah dalam konteks pentadbiran, iaitu pengundi di sesuatu kawasan yang mengundi sudah tidak melihat kepada parti namun lebih kepada pemimpin yang terdiri daripada parti tersebut. Semua memberikan sokongan kepada pemimpin yang mempertimbangkan dan meletakkan agenda rakyat sebagai konteks utama dalam pentadbiran. Thina Kura (2013) telah memberikan penjelasan berkaitan dengan persepsi rakyat dalam membuat penilaian dan juga

pemilihan terhadap calon. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas konteks kepimpinan Lim Guan Eng di Pulau Pinang dan juga Khalid Samad di Shah Alam telah membawa retorik kepimpinan yang berlainan dalam konteks kepimpinan walaupun mereka terdiri daripada parti pembangkang iaitu DAP dan juga Amanah. Seterusnya untuk mendapatkan informasi dengan kadar yang segera supaya tidak menunggu daripada sumber atau perkara yang lain, media sosial telah menjadi platform hangat untuk menyebarkan informasi. Pada masa yang sama, media turut menjadi tempat yang lebih khusus untuk menyampaikan segala perkara yang diperlukan kepada rakyat dan dengan dunia yang penuh modenisasi ini pelbagai perkara lebih senang untuk diakses. Selain itu, isu berkaitan dengan kad pengenalan merah masih tidak diselesaikan oleh kerajaan dan masih lagi timbul isu berkaitan dengan ini yang memberikan pelbagai kekeliruan kepada masyarakat India di negara ini. Parti Barisan Nasional pada ketika itu tidak memberikan fokus yang utama berkaitan dengan isu ini sehingga rakyat berasa marah terhadap kepimpinan yang memimpin pada ketika itu. Situasi ini dapat dibuktikan dengan suatu laman sesawang yang bernama (sebenarnya.com) yang bertarikh pada 28 Februari 2018. Keadaan memberi peluang yang lebih cerah kepada pengundi untuk terus beralih undi kepada Pakatan Rakyat pada ketika itu. Menurut Chin dan Wong (2009) media sosial memainkan satu peranan yang paling utama dan penting pada PRU-13 ini jika dibandingkan dengan PRU-12 isu yang dikupaskan dan dijelaskan dalam media sosial ialah lebih menjelaskan berkaitan dengan soal diskriminasi, soal rasuah, agama dan sebagainya. Namun, bagi PRU kali ini, situasi sangat berlainan yakni isu seperti ini tidak ditayangkan lagi dan isu yang dimasukan sekali dengan gambar, video dan sebagainya telah menarik minat etnik India untuk mempercayai PR. Semua perkara ini jelas kita dapat lihat dalam laman sesawang.

Walau bagaimanapun, perkara yang lebih jelas ialah dalam tradisi kepimpinan negara MIC ini kepimpinan yang diterajui oleh MIC dan juga lapisan pemimpin mestilah dalam kalangan MIC untuk mempertahankan tradisi kepimpinan antara kelompok parti tersebut. Hal ini jelas dapat dilihat dalam konteks kepimpinan MIC semua pemimpin dalam kalangan MIC merupakan seorang yang sudah ada jawatan yang tersendiri sebelum menjadi Presiden atau timbalan Presiden dalam parti tersebut. Oleh sebab masyarakat India masih tidak berpuas hati dengan pentadbiran MIC kerana wujud beberapa kelompongan yang tidak diselesaikan. Salah satu isu ialah berkaitan dengan suatu kumpulan yang bernama HINDRAF telah wujud untuk menegakkan isu atau perkara berkaitan dengan sentimen masyarakat India tersebut. Bernama (2018) kumpulan HINDRAF ini telah terbentuk sejak tahun 2005 lagi untuk memperjuangkan isu berkaitan dengan golongan B40 di negara ini. Pemimpin yang mengetuai HINDRAF ini ialah Waytha Moorthy yang telah mengorak langkah untuk mengadakan perbincangan bersama dengan parti Barisan Nasional (BN) pada ketika itu. Hal ini demikian kerana pada waktu itu, BN merupakan parti kerajaan persekutuan dan telah mendapat ancaman yang cukup hebat kerana tanggapan masyarakat India ialah pemimpin HINDRAF ini telah dibeli oleh parti tersebut untuk mendapatkan nama dan imejnya. Bukan hanya itu, isu mengenai ketidakpuasan masyarakat India dalam konteks pengambilan staf ke sektor kerajaan turut menjadi penyebab. Hal ini selari dengan kajian Appudurai (2018) yang menjelaskan bahawa isu berkaitan masyarakat India ini kurang diberikan perhatian dan para pengundi perlu memilih parti yang dapat menyelesaikan isu berkaitan masyarakat India ini.

Peralihan masyarakat India dari politik yang berteraskan kepada kaum yang disebut sebagai politik identiti telah berubah kepada konteks politik baru seperti jadual berikut:

JADUAL 2. Perbandingan Negeri, Peratusan Pengundi India dan juga Parti Bertanding

Negeri	Kerusi Parlimen	Peratusan Pengundi India PRU-13	Peratusan Pengundi India PRU-14	Parti Menang PRU-13	Parti Menang PRU-14
Johor	Segamat	10%	10%	BN (MIC)	PH (PKR)
Selangor	Hulu Selangor	18%	18%	BN (MIC)	PH (PKR)
Pahang	Cameron Highlands	15%	15%	BN(MIC)	BN (MIC)
Perak	Tapah	13%	15%	BN (MIC)	BN (MIC)

Merujuk kepada jadual 1 tersebut, pengundi India pada pilihan raya umum ke-14 cukup unik dalam proses untuk pemilihan dan menentukan calon dan parti yang bertanding. Berbanding setiap negeri dan kerusi parliment 4 negeri dipilih untuk melihat secara khusus cara peralihan parti politik dan antara 2 negeri tersebut juga mempunyai penduduk India yang paling ramai. Calon PRU 13 di Segamat ialah 10% dan juga calon. Melihat kepada peratusan pengundian tersebut kedua-dua tahun berturut-turut pengundi India di kawasan tersebut ialah 10% namun tempat tersebut pada asasnya merupakan kubu kuat kepada Barisan Nasional (BN) pada PRU-14 telah bertukar kepada politik baharu iaitu telah diterajui oleh Pakatan Harapan (PH), iaitu PKR.

#### FAKTOR PENOLAKAN BARISAN NASIONAL (BN) PADA PRU-14

Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan kepada berlakunya pengundi India telah mula menolak Barisan Nasional pada PRU-14 dan ini menjadi punca utama pengundi India memihak kepada konteks politik baharu.

#### MASALAH DALAM PARTI MIC

MIC ialah salah sebuah parti yang mempunyai rekod sejarah pentadbiran yang lama. Hal ini demikian kerana sejak kemerdekaan lagi, parti ini yang menjadi tunjang utama dalam memperjuangkan isu dan hak berkaitan dengan masyarakat India di negara ini. Suresh Kumar (2004) telah menjelaskan isu berkaitan dengan penambahan bilangan pelajar untuk kemasukan ke IPTA, bantuan kewangan kepada masyarakat India dan juga isu mengenai kes kewarganegaraan yang diketuai oleh MIC masih tidak diselesaikan. Dalam akhbar Malaysia Namban (2018) menjelaskan isu berkaitan dengan masyarakat India sepatutnya perlu diselesaikan oleh parti MIC, tetapi wujud porak peranda antara MIC dan juga parti pembangkang dalam menyelesaikan isunya. Situasi ini memberi kelompongan yang besar kepada pengundi India untuk terus beralih undi kepada PH, iaitu mereka melihat pemimpin di PH mampu untuk memberi solusi kepada isu yang sedang dihadapinya. Jawatan yang disandang dalam MIC juga menjadi isu pergelutan. Dalam akhbar Malaysia Namban (2018) telah menjelaskan berkaitan isu bergelut jawatan presiden antara S Subramaniam dan juga G Palanivel menjadi tumpuan khas untuk pengundi India juga untuk melihat cara kepimpinan mereka dalam parti tersebut. Menurut Saidin dan Othman (2021) kedinamikan politik di Malaysia mengikut kepada corak pengundian pengundi pada tahun tersebut, isu berkaitan dengan perkauman, kelompok etnisiti dan juga agama telah menjadi perkara yang biasa dalam kempen pilihan raya yang berlaku di Malaysia, politik yang bersifat kepada etnosentirisme ini telah memberikan kesan kepada pengundi Melayu yang merupakan majoriti di Malaysia yang jelas dilihat di parti politik UMNO dan PAS yang merupakan parti politik yang berteraskan kepada Melayu dan telah mula mengalami perubahan sejak PRU-12 yang lalu.

#### FAKTOR MAHATHIR

Mahathir memainkan peranan sebagai figura yang sangat penting dalam politik di Malaysia. Hal ini demikian kerana beliau dikonotasikan sebagai pemimpin mempunyai jiwa kepimpinan yang berwawasan sehingga mentadbir selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri di Malaysia. Ideologi dan pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad dalam membangunkan negara dalam pelbagai aspek tidak dapat dinafikan sehingga kini. Muzaffar (2018) sejarah kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad masih lagi dikenang dan juga diingati oleh pengundi malah pada kali ini, Tun Dr Mahathir Mohamad berjiwa besar untuk bekerjasama dengan Pakatan Harapan (PH) untuk membentuk kerjasama bersama mereka. Perjuangan beliau jelas akan membawa satu perubahan yang besar kepada masyarakat India menjelang PRU-14 yang lalu kerana pelbagai pembangunan yang telah beliau melakukan sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri pada zaman dahulu lagi.

Menjelang PRU-14, beliau telah bercadang untuk mewujudkan penggabungan parti Bersatu bersama dengan Pakatan Harapan (PH) untuk membentuk kerajaan persekutuan, perkara yang menarik di sini ialah parti-parti komponen di PH ini merupakan musuh utama sewaktu beliau mentadbir mengetuai kerajaan persekutuan di bawah tiket Barisan Nasional (BN). Namun pada kali ini, Tun Dr Mahathir Mohamad telah menggabungkan empat buah parti politik secara bersama untuk membawa politik baharu antaranya ialah Democratic Action Party (DAP), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Parti Amanah Negara (Amanah) dan juga Parti Keadilan Rakyat (PKR) ke dalam satu gabungan yang sama. Penggabungan ini dapat memberi satu dimensi baharu kepada masyarakat India kerana pelbagai parti di bawah gabungan satu payung untuk mentadbir. Namun bukan hanya itu, Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui bahawa kesilapan yang beliau melakukan iaitu menyingkirkan musuh utama beliau, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan sewaktu pentadbiran beliau. Selain itu, keadaan negara yang tidak stabil dengan pelbagai isu berkaitan dengan pentadbiran negara tidak berada dalam landasan yang betul di bawah Najib Razak juga menjadi perkara yang utama kepada Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membetulkan keadaan negara.

Pengalaman dan juga pelbagai perkara yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir untuk pembangunan negara dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat India untuk terus menyokong Pakatan Harapan pada PRU-14.

#### MANIFESTO PAKATAN HARAPAN

Perjanjian yang ditawarkan oleh pengundi terhadap pengundi memainkan peranan yang sangat penting kerana ini merupakan janji yang diberikan oleh mereka dan pengundi akan mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang tinggi terhadap calon tersebut. Manifesto yang dikeluarkan oleh Pakatan Harapan (PH) pada kali ini cukup inklusif kerana ada bahagian yang telah menjelaskan berkaitan fokus masyarakat India. Manifesto ini dapat memberikan bayangan yang utama kepada masyarakat India terhadap gerak kerja yang akan dilakukan oleh PH selepas membentuk kerajaan.

Pakatan Harapan (PH) telah membahagikan manifesto kepada 5 teras yang utama yang boleh membantu masyarakat India menyelesaikan isu yang sedang dihadapinya. Pertama ialah mereformasikan institusi politik di negara, kedua ialah menaikkan ekonomi negara ke arah adil dan saksama, ketiga ialah kembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan kepada perjanjian 1963 di Malaysia. Keseluruhan ialah untuk memberikan kesamarataan yang menyeluruh kepada semua masyarakat India di negara ini.

Selain itu, tidak dilepaskan juga penekanan diberikan khas kepada konteks keamanan, keselesaan dan juga kepentingan yang tertentu dalam manifesto tersebut. Selain itu, terdapat juga perkara yang baharu diberikan penekanan yang khusus dalam manifesto ini. Antara banyak perkara yang diberikan fokus kepada masyarakat India adalah berkaitan dengan status kewarganegaraan. Isu ini menjadi satu bentuk perbualan yang sangat hangat dalam masyarakat India kerana ada lagi isu berkaitan kad pengenalan masyarakat itu yang masih belum disiapkan lagi sehingga kini. Kerajaan akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memberikan peluang yang lebih banyak dalam konteks pembinaan rumah untuk masyarakat India, institusi pendidikan akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan untuk masyarakat India. Selain itu dalam konteks pendidikan juga sekolah menengah tamil akan dibina pada masa yang sama penambahan bilangan pelajar India di Sekolah Asrama Penuh dan Sekolah Maktab Rendah Sains Mara untuk memberi peluang kepada masyarakat India untuk meningkatkan konteks pendidikan. Parti Pakatan Harapan (PH) juga bercadang untuk merangka satu dasar sosial yang dapat menstruktur kembali masyarakat India yang terlibat dalam kes sosial yang tinggi. Pengambilan pekerja India dalam sektor kerajaan, GLC juga akan ditingkatkan kepada 10% kerana penglibatan masyarakat India dalam sektor tersebut juga kurang dan perlu ditambahkan lagi.

Fokus seterusnya ialah berkaitan dengan penglibatan wanita, iaitu khususnya ibu tunggal perlu diberikan fokus utama. Oleh itu fokus perlu diberikan kepada wanita India dalam konteks pembangunan dan satu amalan yang adil dalam konsep pelaksanaan pengambilan pekerjaan perlu dilaksanakan supaya dapat memberikan peluang yang adil. Oleh itu pelbagai isu berkaitan dengan masalah pertukaran agama juga menjadi serius dan fokus perbincangan ialah untuk memastikan tidak ada lagi isu berkaitan dengan masalah pertukaran agama tanpa pengetahuan ibu bapa dan kerajaan akan mengambil berat berkaitan dengan isu ini.

Selain itu, konteks amalan agama juga penting untuk memastikan semua masyarakat dapat mengamalkan agama dengan baik. Isu berkaitan dengan tanah kuil di beberapa tempat yang dibincangkan di negeri yang tertentu juga akan diberikan fokus yang utama oleh kerajaan untuk memastikan isu ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Dalam konteks yang lain perkara berkaitan dengan lesen perniagaan juga akan diuruskan secara bersama oleh kerajaan kerana hendak memberikan peluang kepada masyarakat India untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan meningkatkan kehidupan mereka. Kesemua perkara yang dinyatakan dalam manifesto ini memberikan ruang dan peluang kepada masyarakat India untuk terus menilai pada masa yang sama untuk membezakan antara perjanjian kerajaan Barisan Nasional dan juga Pakatan Harapan.

Semua isu dan perkara yang dijanjikan ini dapat memberikan kekuatan kepada pengundi India untuk beralih sokongan mereka kepada Pakatan Harapan pada masa yang sama menyuburkan kembali politik baharu yang mereka inginkan selama ini. Seterusnya sentimen kepartian juga memainkan peranan yang cukup penting dalam memastikan pengundi dapat mengenali parti politik tersebut dengan lebih dekat lagi, menurut Awang Besar (2021) ciri personaliti pemimpin yang diinginkan oleh pengundi juga menjadi faktor utama bersama dengan parti politik dan pengundi di kawasan tersebut melihat parti politik dan juga pemimpin dalam parti politik tersebut yang bebas dari rasuah, seorang yang bertanggungjawab dan mempunyai sifat amanah dalam menguruskan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Isu semasa dan perkara lain yang berkaitan perlu diberikan pendedahan yang selanjutnya kepada pengundi di kawasan dari semasa ke semasa.

## PERANAN MEDIA SOSIAL

Media sosial memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendedahan yang mendalam kepada pengundi dengan kadar yang lebih cepat. Mohammad @ Bakar et al.(2011) telah menyatakan bahawa Internet telah menjadi satu bahanan yang baru dalam politik baharu yang telah banyak mempengaruhi sejak PRU-12 yang lalu. Mohd Khairie Ahmad (2015), menyatakan bahawa, jika dilihat dalam konteks yang lebih luas lagi, kawalan terhadap media sosial ini selalunya di bawah kerajaan yang selalunya memaparkan berita dan kebaikan pihak kerajaan berbanding pembangkang, dan juga radio. Selain daripada itu, menurut Vera Pandiyan (2018) *Whatsapp* merupakan sebuah aplikasi yang senang untuk menghubungi dan mendapatkan segala maklumat yang diperlukan dan banyak perkara mengenai perkembangan dan keadaan semasa politik boleh diperolehi dengan lebih cepat lagi melalui *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya.

Selain daripada itu, media sosial ini telah menjadi penghubung yang baik kepada masyarakat dan juga mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan dengan politik dan saluran melalui laporan, maklumat, dan peristiwa video klip yang dapat mempengaruhi masyarakat termasuk etnik India. Menurut Ahmad (2012) telah menjelaskan bahawa hal ini berbeza dengan siaran video dan televisyen atau sebarang berita yang lebih berkait kepada komponen Barisan Nasional (BN).

Perkara berkaitan dengan kawalan ini telah diketahui secara mendalam oleh parti PH dan Menurut Ahmad (2012) mereka mencari alternatif yang lain, iaitu menggunakan media sosial dengan sebaik yang mungkin atas kapasiti bahawa media sosial menjadi satu tarikan kuat kepada PH untuk mengeluarkan dan menyiaran segala berita yang berkaitan dengan BN. Menurut Abdul Ghani et al. (2016) telah menjelaskan bahawa Isu yang dipaparkan meliputi kepada GST, isu ekonomi, isu agama dan perkauman, harga barang, warga asing dan sebagainya. Jika difikirkan kembali perkara ketidakpuasan terhadap MIC dan BN sudah lama tersemai dalam pengundi sejak PRU-12 lagi, dan ini jelas telah memberikan peluang kepada pengundi untuk beralih sokongan mereka kepada PH.

Perkara ini sudah jelas menunjukkan bahawa isu seperti ini memberikan ruang kepada pengundi untuk tidak memberikan sokongan kepada kerajaan BN dalam PRU-14. Terdapat dua contoh yang jelas dapat diberikan, iaitu yang pertama melalui Saifulazam Mohammad (2018) telah menjelaskan bahawa DUN Rantau yang calon dihalang untuk masuk ke dalam dewan penamaan calon S Sinnasamy, iaitu calon PKR di kawasan tersebut dan juga juga menjelaskan berkaitan saudara Tian Chua yang pada hari penamaan calon telah ditolak untuk tidak menjadi calon di Parlimen Batu. Kedua-dua isu ini jelas telah memberikan signal yang amat jelas kepada rakyat untuk mencari solusi untuk membuat perubahan dalam PRU-14 ini. Bukan hanya itu, pelbagai berita yang berkaitan dengan Barisan Nasional dan kelemahan telah pun dipaparkan secara meluas dalam *Whatsapp* dan video yang tertentu sudah cukup memenuhi untuk rakyat membuat andaian yang mendalam berkaitan dengan parti tersebut dan juga kempen MIC atau BN telah memberikan ruang lingkup yang lagi luas untuk rakyat khususnya masyarakat India untuk menilai dengan sendiri pemimpin yang mereka kehendaki.

Seterusnya, menurut Mahadee Ismail (2020) menjelaskan bahawa pandangan belia terpelajar dalam konteks Malaysia baharu ini penting juga. Golongan terpelajar ini merupakan kategori generasi yang dapat mewarisi beberapa perkara untuk membawa perubahan yang tertentu untuk negara dan juga dasar. Selepas beberapa siri pilihan raya telah berlakunya perubahan dalam kalangan pengundi untuk melihat cara pengundi membuat keputusan secara rasional sama juga dengan adanya media sosial dapat memberikan informasi yang lebih luas kepada golongan

terpelajar ini. Informasi dan perkembangan yang tertentu mengikut kepada masa yang tertentu penting untuk memastikan golongan ini dapat melihat dan menerima sesuatu perubahan yang melibatkan pentadbiran negara dengan lebih terbuka lagi.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, trend pengundian pengundi India pada PRU-13 dan PRU-14 mempunyai satu transformasi yang besar dan berbeza di beberapa buah negeri. Walaupun pada PRU-13 kerusi parlimen pengundi India mampu memberikan kepercayaan kepada 4 orang calon untuk menang dan ini telah menjadi sebaliknya pada PRU-14 dengan hanya seorang calon sahaja berjaya menang dalam kerusi Parlimen tersebut. Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan ataupun sebagai rujukan kepada pihak tertentu untuk mengetahui faktor yang menjadi penolak kepada pengundi terhadap parti Barisan Nasional (BN) pada PRU-14 yang lalu supaya lebih bersedia untuk mengatur strategik yang lebih berkesan pada PRU-15 nanti. Kajian ini juga penting untuk memperkuuh lagi fakta dan juga data kajian dalam bidang pilihan raya di Malaysia khususnya fokus kepada pengundi India sahaja.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada kedua penyelia saya yang sudi memberikan idea dan juga bimbingan yang berterusan untuk menghasilkan artikel ini untuk bacaan dan juga untuk rujukan masa hadapan bagi penyelidik yang mengkaji berkaitan dengan politik masyarakat India khususnya dan kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu penyelidik tersebut untuk memahami politik masyarakat India dalam era politik baharu ini.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, M. H., Awang Besar, J., & Mat Jali, M F. (2016). Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 34–45. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/17794/5517>
- Ahmad, N. (2018, December 28). Sivarraajh hilang kelayakan bertanding PRK Cameron Highlands. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/51367/3/si-varraajh-hilang-kelayakan-bertanding-prk-cameron-highlands>
- Ahmad Rodzi, T. H. (2018, April 28). Mohd Hasan menang tanpa bertanding di Rantau. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/04/418094/mohamad-hasan-menang-tanpa-bertanding-dun-rantau>
- Ahmad, Z. A. (2012). *PRU 13, UMNO tumpas?*. Selangor: Gerak Budaya Enterprise.
- Appudurai, J., & David Dass, G. A. (2008). *Malaysian Indians: Looking Forward*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Awang Besar, J. (2017). Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(3), 97–111. <https://doi.org/10.17576/geo-2017-1303-10>

- Awang Besar, J. (2019). Perubahan politik dalam pilihan Raya umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4). <https://doi.org/10.17576/ge-2019-1504-16>
- Awang Besar. (2021). Sentimen Kepartian dan Personaliti Pemimpin Pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di Kawasan DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika*, 91(1), 81–96. <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/39690>
- Awang Besar, J., Mohd Yusof, A. R., Ghazali, A. S., Ali, M., Yusuff, N. A., Nayan, N., & Boyman, S. N. (2020). Trend of voting in Malaysian general election 2018 in urban and rural area. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 128–144. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.5190010>
- Bernama. (2018, September 10). Penubuhan parti baru untuk kaum India relevan. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/442494>
- Chin, J., & Wong, C. H. (2009). Malaysia's electoral upheaval. *Journal of Democracy*, 20(3), 71–85. <https://doi.org/10.1353/jod.0.0108>
- Faisal, H. (2018, May 10). Tun Dr Mahathir PM-7. *Hmetro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/05/338492/dr-mahathir-pm-ke-7-metrotv>
- GE13: Hindraf to partner with Barisan, says Waythamoorthy. (2013, April 18). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2013/04/18/ge13-hindraf-to-partner-with-barisan-says-waythamoorthy/>
- Guru, G. (2020). The emergence of “new” politics. *Economic and Political Weekly*, 55(12), 90–103.
- Hampir 300,000 masyarakat India di Malaysia tidak mempunyai kad pengenalan. (2018, February 28). Sebenarnya [BLOG]. <https://sebenarnya.my/300000-warga-india-tidak-mempunyai-kad-pengenalan/>
- HINDRAF: Serpihan atau demokrasi terpimpin?. (2011, March 10). *Utusan Online*. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0310&sec=Ren\\_cana&pg=re\\_02.htm/](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0310&sec=Ren_cana&pg=re_02.htm/)
- Ismail, M. M., Abdullah, A., Hassan, N. A., & Md Nor, M. S. (2020). Perkembangan politik era Malaysia baharu: Pandangan eksklusif belia terpelajar. *Akademika*, 1(Special), 161–174. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK1-12>
- Jayasooria, D. (2018, May 13). Indian opt for multiracial parties. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/05/13/indians-opt-for-multiracial-parties-they-made-their-choice-as-to-who-should-represent-their-interest/>
- Kua, K. S. (2019). *Days of Hope: Real Reform for ‘New’ Malaysia*. Petaling Jaya: SUARAM.
- Malaysia Namban. (2018-a, April 16). Samugamaya Inovoima (Penyatuan sebagai masyarakat). *Namban*. <http://nanban.com.my/>
- Malaysia Namban. (2018-b, April 19). 14-avathu pothu terthal kalam Indiargalukku urimiya? Sathanaiya? (PRU untuk kaum India adakah hak? Pencapaian?). *Namban*. <http://nanban.com.my/>
- Malaysia Namban. (2018-c, May 11). Vairam konde vairam arutaar (Memotong berlian dengan berlian). *Namban*. <http://nanban.com.my/>
- Mamat, M. (2023). Budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU ke-14. *Akademika*, 93(03), 53–67. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-05>
- Md. Yusoff, A. (2009). Election and ethnicity: A comparative analysis of local language dailies and the prevalence of ethnic-based discourses during the 2008 Malaysian General

- Election. *Journal of South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*, 1(1), 59–77.
- Mohammad @ Bakar, B. A., Andin Salamat, A. S., Ahmad Mais, M., Yaacob, M. A., Kamaruzzaman, N. Z., & Hussin, Z. (2011). Barisan Nasional di ruang maya: Isu-isu berbangkit di Facebook menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13. *Voice of Academia*, 6(2), 191–204. [https://voa.uitm.edu.my/v1/images/voa\\_issue/2011/vol6\\_no2\\_title2\\_other.pdf](https://voa.uitm.edu.my/v1/images/voa_issue/2011/vol6_no2_title2_other.pdf)
- Mohd Noor, M. N., & Hamil, J. (2018). Politik, pengundi dan faktor Melayu/Bumiputera: Analisa terhadap kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 386–408. <https://jurnalarticle.ukm.my/18638/>
- Muhamad, R. (2015). Online opposition and elections in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(10), 281–291. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n10p281>
- Mutaly, K. (2018). *People Power Save Malaysia. Mahathir Leads the Way*. Techtouch Media Solution.
- Muzafar, C. (2018, May 15). The trust deficit and the BN defeat. *The Sun*, <https://www.thesundaily.my/archive/trust-deficit-and-bn-defeat-DUARCH547897>
- Parti Keadilan Rakyat, Parti Tindakan Demokratik, Parti Pribumi Bersatu Malaysia, & Parti Amanah Negara. (2018). Buku Harapan membina negara memenuhi harapan. [https://kurzman.unc.edu/wp-content/uploads/sites/1410/2022/11/Pakatan\\_Harapan\\_2018\\_Buku\\_Harapan.pdf](https://kurzman.unc.edu/wp-content/uploads/sites/1410/2022/11/Pakatan_Harapan_2018_Buku_Harapan.pdf)
- Saidin, M. I. S., & Othman, B. B. (2021). Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-12: Satu tinjauan menerusi perspektif Etnosentrisme. *Akademika*, 91(3), 53–62. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9103-05>
- Vellymalay, S. K. N. (2014). Aliran mengundi kaum India dalam Pilihan Raya Umum 2013: Suatu Analisis. *Kajian Malaysia*, 32(2), 55–88. [http://web.usm.my/km/32\(Supp.2\)2014/KM%2032%20Supp.%202\\_2014-Art.%203%20\(55-88\).pdf](http://web.usm.my/km/32(Supp.2)2014/KM%2032%20Supp.%202_2014-Art.%203%20(55-88).pdf)
- Vellymalay, S. K. N., & Ponniah, S. (2018). Tsunami India dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Peralihan sokongan daripada politik etnik kepada politik multietnik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45(2), 206–231. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/29215>
- Vera Pandiyan, M. (2018, May 2). On the cups of battle royal. *The Star online*. <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/along-the-watchtower/2018/05/02/on-the-cusp-of-a-battle-royal-the-campaigning-for-ge14-is-in-full-swing-but-beneath-the-parties-brav/>
- Waytha Moorthy moodimaraikalama (Patutkah Waytha Moorthy tutup cerita). (2013, April 14). *Thina Kural*.
- Welsh, B. (Ed.) (2022). *The End of Umno?: Essays on Malaysia's Former Dominant Party*. Petaling Jaya, Malaysia: Strategic Information and Research Development Centre.

Sharmin Kutty Sivaraman (Corresponding author)  
Lecturer  
Segi University  
Faculty of Education, Languages, Psychology & Music  
Email: [sharminsivaraman@segi.edu.my](mailto:sharminsivaraman@segi.edu.my)

Awang Azman Awang Pawi  
Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
Email : [awangazman@um.edu.my](mailto:awangazman@um.edu.my)

Zulkanain Abdul Rahman  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya Kuala Lumpur  
Email: [zulkana@um.edu.my](mailto:zulkana@um.edu.my)